

**"IMARAH MASJID, FADHILAT DIRAIH". 1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مِنْ ءَامِنٍ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ¹ </p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	5
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	6
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah bersama-sama kita tingkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa seterusnya selamat dan berjaya di dunia serta di akhirat.</p>	7
<p>Mimbar jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk "IMARAHKAN MASJID FADHILAT DIRAIH".</p>	8
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Masjid merupakan rumah Allah yang mulia. Mengimarahkan masjid bermaksud memakmurkan rumah Allah dengan membinanya dan beribadah di dalamnya. Masjid menjadi tempat perkumpulan umat Islam melakukan pelbagai aktiviti ibadah, berukhuwwah dan saling tolong-menolong dalam perkara kebaikan dan ketaqwaan.</p>	9
<p>Betapa pentingnya kedudukan masjid dalam Islam yang perlu diimarahkan ini dapat dilihat seawal tibanya nabi SAW di Madinah. Perjalanan Hijrah nabi SAW berakhir dengan pembinaan Masjid Nabawi, di samping mempersaudarakan kaum Ansar dan Muhajirin serta mewujudkan Piagam Madinah.</p>	10

¹ At-Taubah ; 18

<p>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Mengimarahkan masjid terbahagi kepada dua cara, iaitu secara fizikal dan secara spiritual (kerohanian). Kedua-duanya disyariatkan dalam Islam dan dijanjikan dengan fadhilat dan ganjaran yang besar daripada Allah SWT sebagaimana huraian berikut:</p> <p>Pertama: Imarah secara fizikal,</p> <p>Mengimarahkan masjid secara fizikal ialah dengan membina dan menyiapkan bangunan masjid supaya orang ramai dapat melaksanakan solat di dalamnya. Ganjaran bagi sesiapa yang menginfakkan hartanya untuk tujuan pembinaan masjid ialah dibina untuknya yang seumpamanya dalam syurga.</p>	<p>11</p>
<p>Hadis daripada Uthman bin Affan R.Anhu bahawa nabi SAW bersabda;</p> <p style="text-align: center;"> مَنْ بَنَى لِلَّهِ مَسْجِدًا، بَنَى اللَّهُ لَهُ مِثْلَهُ فِي الْجَنَّةِ </p> <p><i>"Sesiapa yang membina untuk Allah sebuah masjid, Allah akan membina untuknya yang seumpamanya di dalam syurga".</i> <i>(Riwayat Imam at-Tirmizi).</i></p>	<p>12</p>
<p>Saidatina 'Aisyah R.Anha menceritakan bahawa nabi SAW memerintahkan agar sebuah masjid dibina di sesuatu kawasan, dan hendaklah dibersihkan dan diwangikan.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Ibnu Majah)</i></p>	<p>13</p>
<p>Berdasarkan hadis-hadis di atas, jelas betapa besarnya fadhilat dan ganjaran yang Allah SWT berikan kepada sesiapa sahaja yang mengimarahkan masjid secara fizikal dengan membina, membersihkan, dan mengemas masjid serta menyediakan kemudahan prasarana atau kelengkapan untuk keselesaan para tetamu rumah Allah Azza wa Jalla.</p>	<p>14</p>
<p>Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Kedua: Imarah secara spiritual,</p> <p>Manakala mengimarahkan masjid secara spiritual pula ialah aktiviti kerohanian seperti melakukan ibadah di dalam masjid sama ada solat, zikir, i'tikaf, membaca al-Qur'an dan sebagainya. Termasuk dalam maksud zikir ialah majlis ilmu yang dilaksanakan di dalam masjid. Kedua-dua pihak baik yang menguruskan pengajian ilmu mahupun yang hadir mendengarnya</p>	<p>15</p>

dikira sebagai mengimarahkan masjid.	
<p>Bahkan Rasulullah SAW pernah bersabda sebagaimana hadis daripada Abu Hurairah R.Anhu berkata bahawa nabi SAW bersabda yang bermaksud;</p> <p><i>“Malaikat akan berselawat kepada seseorang daripada kamu selagi mana dia berada di tempat solatnya yang dia telah solat padanya selagi mana tidak terbatal wuduknya. Malaikat berdoa: Ya Allah berilah keampunan untuknya, ya Allah berilah rahmat kepadanya”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	16
<p>Bayangkan, hanya dengan duduk sahaja di masjid pun akan didoakan keampunan oleh para malaikat apatah lagi mereka yang menuju ke masjid kemudian solat berjemaah, berniat iktikaf, bersalam-salaman sesama muslim dengan menguntumkan senyuman, serta menyusun dan meluruskan sejadah, bakal mendapat fadhilat yang berlainan bagi setiap satu perbuatannya. Bukan itu sahaja, dengan mengambil wudhu' daripada rumah sebelum bertolak ke masjid, setiap langkahnya menghapuskan dosa dan meningkatkan satu darjat di sisi Allah SWT.</p>	17
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Mereka yang mengimarahkan masjid dengan melazimi masjid setiap hari adalah bukti dan tanda adanya iman. Bahkan hanya orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat sahaja yang akan mengimarahkan masjid. Manakala orang yang tidak beriman bukan lah dalam kalangan mereka yang mengimarahkan masjid dengan erti kata sebenar.</p>	18
<p>Imam Fakhrudin al-Razi dalam Tafsir al-Kabir menyatakan bahawa ketika seorang musyrik ditawan dalam peperangan Badar, dia berkata kepada orang Islam;</p> <p><i>“Sekalipun kamu semua telah mendahului kami dengan Islam dan hijrah serta jihad, sesungguhnya kami telah mengimarahkan Masjid al-Haram”.</i></p>	19
<p>Dakwaan orang musyrik ini telah disangkal oleh Allah SWT menerusi ayat 17 dan 18 surah al-Taubah yang bermaksud;</p> <p><i>“Tidaklah layak orang-orang kafir musyrik itu memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah, sedang mereka menjadi saksi (mengakui) akan kekufuran diri mereka sendiri. Mereka itu ialah orang-orang yang rosak binasa amal-amalnya dan mereka pula kekal di dalam neraka.</i></p>	20
<p><i>Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat...</i></p>	21

<p>...dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan agar mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk”.</p>	22
<p>Justeru, hanya orang beriman yang akan mengimarahkan masjid. Sebab itulah nabi SAW meminta kepada umat Islam agar mengiktiraf orang yang sentiasa ulang alik ke masjid adalah orang yang beriman. Hadis daripada Abu Sa'id al-Khudri R.Anhu bahawa nabi SAW bersabda;</p> <p style="text-align: center;"><i>إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَعْتَادُ الْمَسْجِدَ فَاشْهَدُوا لَهُ بِالْإِيمَانِ</i></p> <p>“Apabila kamu melihat seseorang yang berulang alik ke masjid, maka perakuilah bahawa dia seorang yang beriman”.</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Imam Ahmad)</p>	23
<p>Hadirin Jumaat sekalian,</p> <p>Mengimarahkan masjid juga bererti menjaga kehormatan dan kesucian masjid. Masjid mesti diurus dan ditadbir dengan jujur serta penuh integrity dan ikhlas kerana Allah SWT. Jauhi perselisihan, pergaduhan, perebutan jawatan, fitnah memfitnah, penyelewengan wang dan harta masjid, mengadu domba dan kata mengata yang membawa kepada permusuhan dan perpecahan.</p>	24
<p>Sewajarnya pentadbir masjid hendaklah bersatu padu, bersatu hati dan memikul amanah membangunkan jiwa ahli qaryah supaya mempunyai hati yang sejahtera ketika bertemu dengan Allah SWT. Ahli qaryah pula hendaklah menyambut segala program yang dianjurkan dengan semangat ukhuwah Islamiyah.</p>	25
<p>Nabi SAW melarang keras sebarang perbuatan yang mencemarkan kehormatan dan kesucian masjid sama ada dipihak pentadbir masjid ataupun ahli kariah, termasuk bersembang dengan perkara keduniaan. Hadis daripada Ibn Mas'ud R.Anhu bahawa nabi SAW bersabda yang bermaksud;</p> <p>“Akan berlaku pada akhir zaman satu kumpulan yang duduk di dalam masjid-masjid secara berkumpulan, perbincaraan mereka adalah hal-hal dunia, maka janganlah kamu duduk bersembang dengan mereka, sesungguhnya Allah SWT langsung tidak memerlukan mereka”.</p>	26
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin berpesan kepada hadirin sekalian dengan perkara-perkara berikut;</p>	27

<p>1. Umat Islam hendaklah meneguhkan keimanan kepada Allah SWT dengan mengimarahkan masjid.</p> <p>2. Umat Islam mestilah meyakini akan fadhilat dan ganjaran yang besar disediakan untuk mereka yang mengimarahkan masjid.</p>	
<p>3. Umat Islam perlu memastikan kehormatan dan kesucian masjid dan surau agar sentiasa dipelihara.</p> <p>4. Umat Islam hendaklah bertanyakan pada diri sendiri apakah sumbangan kita kepada masjid sebelum kita bertanya apakah sumbangan masjid kepada kita.</p> <p>5. Semua masjid hendaklah membudayakan membaca al-Quran dan terjemahannya selepas setiap kali solat fardhu supaya umat Islam sentiasa dimuliakan dan diberkati Allah SWT.</p>	28
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">فِي بُيُوتِ أَذْنِ اللَّهِ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ ﴿٣٦﴾</p>	29
<p>“(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah Ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya...</p>	30
<p>...dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan Ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang”.</p> <p style="text-align: right;">(al-Nuur : 36).</p>	31
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	32
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	33

KHUTBAH KEDUA .34

35	أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
36	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
37	Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...
38	...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...
39	...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.
40	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
41	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
42	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،
43	سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج

<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُؤَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	<p>44</p>
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>	<p>45</p>
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju,...</p>	<p>46</p>
<p>...sejahtera dan berkebakjikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Justeru kami pohon kehadiran-Mu...</p>	<p>47</p>
<p>...ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami,</p>	<p>48</p>
<p>luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, ...</p>	<p>49</p>
<p>... lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat serta peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang...</p>	<p>50</p>
<p>...menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.</p>	<p>51</p>
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ،</p>	<p>52</p>
<p>إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٣﴾</p>	<p>53</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>54</p>